

# **Ulasan Pengerusi**

## **CHAIRMAN'S STATEMENT**



Para Pemegang Saham,

Tahun laporan adalah tahun yang sukar dan mencabar bagi Kumpulan dan kami tidak dapat mengekalkan keuntungan pada paras yang dicapai sebelum ini. Walau bagaimanapun, menerusi langkah-langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menyelaras dan menyusun semula operasi, menyusun semula hutang, meningkatkan kecekapan dan produktiviti, pencapaian pada tahun hadapan dijangka akan bertambah baik.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Boustead Holdings Berhad dan Kumpulan syarikatnya yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

Dear Shareholders,

The year under review was difficult and challenging for the Boustead Group, and we were unable to sustain profitability at the level achieved previously. However, with measures adopted across the Group to streamline and rationalise operations, restructure loans, improve efficiency and productivity, the outlook for the coming year is expected to improve.

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present this Annual Report and Audited Accounts of Boustead Holdings Berhad and its Group of companies for the financial year ended 31 December 2000.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd  
Ghazali Hj. Che Mat  
(Pengerusi Chairman)**

## CHAIRMAN'S STATEMENT

**Latar Belakang Ekonomi**

Ekonomi Malaysia meneruskan pemulihan yang ketara dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar dicatatkan pada 8.5% bagi tahun 2000. Ini merupakan pertumbuhan tahun kedua berturut-turut sejak bermulanya kegawatan ekonomi pada pertengahan tahun 1997. Inflasi dapat dibendung pada 1.6% tahun lepas.

Sektor pembuatan terus menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan, mencatatkan pengembangan luarbiasa sebanyak 21% dalam tahun 2000. Setelah menguncup sebanyak 5.6% dalam tahun 1999, sektor pembinaan menumbuh sebanyak 1.1% bagi tahun 2000. Sektor pertanian turut menumbuh pada 0.4%, yang digiatkan dengan pengembangan sektor kelapa sawit. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan menurun sebanyak 1.8% di sepanjang tahun, berikutan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Pada tahun semasa, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar dianggarkan sederhana pada kadar sekitar 7%, tetapi mungkin lebih rendah jika kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat dan Jepun terus berlarutan. Manakala Malaysia tidak terkecuali daripada ekonomi global, asas-asas ekonomi makro bagi ekonomi dalam negara terus kukuh, dengan itu berupaya menghindarkannya daripada tekanan pengaruh luaran. Dengan Kerajaan dijangka mengkekalkan pengembangan polisi fiskal dan kewangannya, pertumbuhan dijangka dapat dijana dalam negara, terutamanya dengan projek infrastruktur baru.

**Tinjauan Kewangan**

Kumpulan terus memperolehi keuntungan untuk tahun laporan tetapi keputusan keseluruhan adalah mengecewakan dan di bawah jangkaan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2000, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM86 juta berbanding RM367 juta yang dicapai bagi tempoh 18 bulan berakhir 31 Disember 1999.

Tiga faktor utama menyumbang kepada keputusan lebih rendah bagi tahun lepas. Pertama, harga minyak sawit mentah mencecah paras paling rendah dalam tempoh 14 tahun sebanyak RM715 setan dalam bulan Oktober dan mencapai purata RM997 bagi tahun laporan, berbanding RM1,703 bagi tempoh kewangan sebelumnya. Kami percaya harga minyak sawit mentah telahpun mencapai paras paling rendah dan sedikit kenaikan harga sedang berlaku. Kedua, tahun laporan adalah tahun yang sungguh

**Economic Background**

The Malaysian economy continued its strong recovery, with growth in Gross Domestic Product (GDP) registered at 8.5% in the year 2000. This marked the second consecutive year of growth since the beginning of the economic downturn in mid-1997. Inflation was contained at 1.6% last year.

The manufacturing sector continued to be the main engine of growth, recording an unprecedented 21% expansion in 2000. After a contraction of 5.6% in 1999, the construction sector turned around to grow by 1.1% for 2000. The agricultural sector also grew by a modest 0.4%, spurred on by the expansion of the palm oil sector. However, the mining sector contracted by 1.8% during the year, due to lower production of crude oil and natural gas.

Looking to the current year, GDP growth is projected to moderate to around 7%, but could be lower if the economic slowdown in the US and Japan deepens. While Malaysia is not isolated from the global economy, the underlying macroeconomic fundamentals of the domestic economy remain sound, thereby reducing its vulnerability to any external influences. With the Government likely to retain its expansionary fiscal and monetary policies, growth is expected to be generated internally, especially with the new infrastructure projects.


**Financial Review**

The Group remained profitable for the year under review, but the bottom-line results were frankly disappointing and below expectations. For the year ended 31 December 2000, the Group registered a pre-tax profit of RM86 million, against RM367 million achieved for the 18 months ended 31 December 1999.

Three main factors contributed to last year's lower results. First, crude palm oil (CPO) prices hit a 14-year low of RM715 per tonne in October to average RM997 for the year, against RM1,703 for the previous financial period. We believe that the CPO market has since bottomed-out and

**Penggunaan teknologi termoden untuk pemetaan kawasan, merancang cara penanaman dan susunan pengaliran untuk produktiviti yang terbaik.**

**Advance technologies used for mapping terrain, planning planting patterns and drainage layouts to optimise productivity.**



## CHAIRMAN'S STATEMENT

sukar bagi Kumpulan Affin, yang terpaksa membuat peruntukan hutang yang banyak bagi bank-bank komersial dan saudagarnya. Kami yakin dengan penyusunan semula hutang-hutang ini, keputusan 2001 akan menunjukkan peningkatan. Sebagai faktor ketiga yang menyumbang kepada turunnya keuntungan Kumpulan, syarikat-syarikat dalam Bahagian Perdagangan, turut terjejas dengan kelembapan perniagaan. Disebabkan sikap yang lebih berhati-hati dan keengganan pada keseluruhannya untuk berbelanja, perbelanjaan pengguna untuk barang yang bertahan lama merosot dengan ketaranya dalam tahun 2000, mengakibatkan beberapa syarikat dalam Bahagian Perdagangan mengalami kerugian.

Bagi tahun laporan, Kumpulan Boustead mencapai keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak hanya RM5.4 juta, berbanding RM220.6 juta yang dicatatkan bagi tempoh 18 bulan yang lepas. Kumpulan menanggung cukai yang tinggi sebanyak RM53.2 juta, kadar cukai 62%, ekoran dari kerugian yang tidak dapat ditolak daripada keuntungan syarikat-syarikat lain memandangkan ketidaaan peruntukan sedemikian untuk syarikat-syarikat kumpulan di Malaysia.

**Kerja-kerja  
penanaman hutan.**

**Efforts in forest  
plantations.**



### Dividen

Meskipun keuntungan adalah lebih rendah, Lembaga Pengarah masih mengesyorkan dividen akhir sebanyak 7.5% (1999: 10%) sebagai ganjaran kepada pemegang saham di atas kesetiaan mereka. Selepas mengambil kira dividen awal berjumlah 7.5% berbayar pada awal tahun, jumlah yang boleh diagihkan untuk tahun laporan ialah RM14.7 juta. Rizab terkumpul Kumpulan akan digunakan untuk membayar dividen ini.

### Kewangan

Pinjaman bersih Kumpulan meningkat sebanyak RM340 juta kepada RM1.4 bilion pada 31 Disember 2000. Berikutnya itu, nisbah penggearan Kumpulan meningkat kepada 0.9:1 daripada 0.7:1 setahun lalu. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan langganan terbitan hak Affin Holdings berjumlah RM183 juta dan perbelanjaan berjumlah RM105 juta yang ditanggung untuk pembangunan perladangan.

### Pembangunan Korporat

Tiada pembangunan korporat yang ketara yang boleh menjelaskan operasi dan pencapaian Kumpulan bagi tahun laporan. Sebaliknya usaha dan sumber telah disalurkan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif korporat dan perancangan yang telah digariskan di dalam laporan saya yang lepas.

a mild recovery is now underway. Second, the year under review was a particularly difficult one for the Affin Group, which had to make substantial loan provisioning for its commercial and merchant banks. We are confident that with the restructuring of these loans, the 2001 results should show an improvement. As a third factor accounting for the Group's reduced profitability, companies in the Trading Division also suffered a slow-down in business. Because of a more cautious stance and a general reluctance to incur expenditure, consumer spending on durable items was significantly reduced in 2000, resulting in some companies in the Trading Division suffering losses.

For the year under review, the Boustead Group achieved a profit after tax and minority interest of only RM5.4 million, compared with RM220.6 million recorded in the previous 18 months. The Group incurred a high tax charge of RM53.2 million, a tax rate of 62%, as losses could not be off-set against profits of other companies in view of the fact that there is no provision for group relief in Malaysia.

### Dividend

In spite of lower profitability, the Board is still proposing a final dividend of 7.5% (1999: 10%) as a reward to shareholders for their loyalty. After taking into account the 7.5% interim dividend paid earlier in the year, total distribution for the year will amount to RM14.7 million. The substantial accumulated reserves of the Group will be utilised for the payment of dividend.

### Finance

Net Group borrowings increased by RM340 million to RM1.4 billion as at 31 December 2000. Consequently, the gearing ratio of the Group has increased to 0.9:1 from 0.7:1 a year ago. The increase is largely due to the subscription for Affin Holding's rights issue of RM183 million and expenditure totalling RM105 million incurred for plantation development.

### Corporate Developments

There were no significant new corporate developments affecting the operations and performance of the Group for the year under review. Instead efforts and resources were channeled on implementing the corporate initiatives and plans outlined in my last report.

Pertama dalam senarai aktiviti yang dirancangkan untuk tahun laporan adalah penyempurnaan pembangunan kawasan seluas 355 ekar di Mukim Sungai Buloh, Selangor, yang kini dikenali sebagai Mukim Damansara. Saya sukacita melaporkan bahawa sambutan terhadap pembangunan harta tanah ini adalah sungguh menggalakkan. Kami telah menjual kepada IKEA kawasan seluas 13 ekar bernilai RM56 juta yang akan dimajukan oleh kumpulan perkakasan rumah yang berpengkalan di Sweden untuk menerajui operasinya di rantau ini. Satu Perjanjian Jual Beli telahpun ditandatangani dengan Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, iaitu sebuah kumpulan berpengkalan di Britain, bagi penjualan kawasan seluas 8 ekar bernilai RM45 juta. Pulangan dari jualan-jualan ini di samping pembangunan harta tanah yang masih dalam perlaksanaan seharusnya memberi sumbangan ketara kepada keuntungan Kumpulan.

Usahasama dengan University of Nottingham (United Kingdom) dan YTL Corporation telah menjadi kenyataan dengan sempurnanya cawangan kampus sementara di Kuala Lumpur. Kampus ini memulakan pengambilan pelajar yang pertama dalam bulan September 2000. Sementara itu, perancangan sedang dilaksanakan bagi pembinaan kampus tetap di Estet Balau kepunyaan Boustead di Semenyih.

Kami juga meningkatkan kajian ke atas kesemua aktiviti perniagaan kami bagi memastikan hanya yang terbaik daripada portfolio kami diperolehi. Ini telah mengakibatkan beberapa operasi yang tidak menghasilkan keuntungan atau tidak lagi selaras dengan wawasan jangka-panjang Kumpulan ditutup. Hasil daripada program pelupusan pelaburan kami, entiti yang lebih prihatin mula terserlah.

Uppermost on the list of activities planned for the year was the completion of a 355-acre prime development parcel of land in the Mukim of Sungai Buloh, Selangor, now known as Mutiara Damansara. I am pleased to report the response for this development property has been overwhelming. We have sold to IKEA some 13 acres of land for RM56 million, which will be developed by the Swedish-based home furnishing group to spearhead its operations in the region. A Sale & Purchase Agreement was also signed with Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, the off-shoot of the British-based group, for the sale of 8 acres of land for RM45 million. The proceeds realised from these sales and the ongoing development of the property should contribute significantly towards the profitability of the Group.



**Upacara menandatangani perjanjian jualan 13 ekar tanah di Mutiara Damansara kepada Kumpulan IKEA.**

**Signing ceremony on the sale of a 13 acre site in Mutiara Damansara to IKEA Group.**

A joint-venture project with the University of Nottingham (United Kingdom) and the YTL Corporation has come to fruition with the setting up of a temporary branch campus in Kuala Lumpur. The campus saw the first intake of students in September 2000. Meanwhile, plans are afoot for the construction of a permanent campus to be located at Boustead's Balau Estate in Semenyih.

We also intensified a review of all our business activities to ensure we get the most out of our portfolio. This has resulted in the closure of operations that were non-profitable or were deemed no longer in line with our long-term vision. As a result of our divestment programme, a leaner and more focused entity is emerging.



**YTM Earl and Countess of Wessex di majlis penyampaian biasiswa di UNiM.**

**TRHs Earl and Countess of Wessex at a scholarship presentation ceremony at UNiM.**

## CHAIRMAN'S STATEMENT

Dalam tahun laporan, kami telah menyempurnakan pelupusan kepentingan kami dalam Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, SMN Foods dan Christiani & Nielson (M) Sdn Bhd. Aktiviti-aktiviti Boustead Trading telah dikaji dan dikurangkan dengan penutupan beberapa cawangan yang tidak diperlukan. Beberapa cawangan di Semenanjung Malaysia telah bertukar menjadi cawangan yang menawarkan khidmat logistik, menggunakan teknologi berasaskan laman web untuk menghadapi pasaran yang lebih dinamik serta sentiasa berubah.

Kumpulan Boustead sedang giat mempertingkatkan penggunaan e-dagang bagi memastikan ianya berada di hadapan persaingan, lebih inovatif serta mampu mendapatkan pasaran baru. Bagi meneruskan usaha-usaha terdahulu, Kumpulan menggunakan e-dagang yang kini pesat berkembang sebagai kuasa yang menyerlah dalam suasana perniagaan. Beberapa aktiviti perniagaan-ke-perniagaan dan perniagaan-ke-pengguna telah diusahakan untuk mengembangkan operasi perniagaan Boustead yang sedia ada. Sebahagian besar aplikasi e-dagang ini adalah bertujuan untuk membawa kepada kegiatan yang lebih cekap dan menjimatkan kos bagi melaksanakan perniagaan Kumpulan yang mantap.

### **Program Masyarakat Korporat**

Sebagai masyarakat korporat yang bertanggungjawab, Kumpulan Boustead percaya kepada pertumbuhan bersama kesaksamaan di mana kejayaan kami dapat dikongsi dengan pelbagai masyarakat yang kami menjalankan operasi. Ini telah lama menjadi sebahagian daripada falsafah korporat kami. Dalam tahun-tahun yang lepas, di dalam program tajaan korporat kami, kami telah menyokong beberapa pertubuhan amal yang berdaftar dan bertujuan baik. Satu daripadanya ialah program pendidikan. Melalui penubuhan sebuah dana amanah, Yayasan Warisan Perajurit, Kumpulan telah menyumbang sebanyak RM2 juta kepada Yayasan ini bagi tujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak anggota angkatan tentera yang telah bersara dan yang masih berkhidmat yang layak bagi meneruskan pembelajaran mereka di institusi-institusi tempatan.

During the year, we completed the divestment of our interests in Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, SMN Foods Sdn Bhd and Christiani & Nielson (M) Sdn Bhd. The activities of Boustead Trading were reviewed and down-sized with the closure of non-essential branches. The Peninsular Malaysia branches have now been transformed into logistics service providers, using web-based technology to keep abreast of a dynamic and rapidly evolving market-place.

The Boustead Group is increasingly harnessing the power of e-commerce to keep ahead of competition, innovate and gain access to new markets. Continuing earlier initiatives, the Group is embracing e-commerce which is rapidly emerging as a potent force in the business landscape. Several business-to-business (B2B) and business-to-consumer (B2C) ventures were embarked upon to complement Boustead's existing business operations. Most of these e-commerce applications are aimed at bringing about more efficient and cost effective means of conducting established businesses of the Group.


### **Corporate Citizenship Programmes**

As a responsible corporate citizen, the Boustead Group believes in growth with equity, whereby our success is shared with the various communities in which we operate. This has always been a cornerstone of our corporate philosophy. Over the years, in our corporate sponsorship programmes, we have supported many registered charitable organizations and worthy causes. One of our most enduring is our educational programme. Through the establishment of a trust fund, Yayasan Warisan Perajurit (Warrior's Heritage Fund), the Group has contributed RM2 million to deserving children of retired and serving staff of the armed forces to continue their studies at local institutions.



**Pelancaran Yayasan Warisan Perajurit oleh Menteri Pertahanan.**

**Launching of Warrior's Heritage Fund by the Minister of Defence.**



Satu lagi penerima tetap daripada program kita ialah Zoo Negara di mana Boustead telah menjadi penaja orang-utan bagi jangkamasa yang lama. Setiap tahun, semasa musim Hari Raya, para anggota Angkatan Tentera Malaysia tidak dilupakan sebagai penerima sumbangan istimewa bungkus perayaan. Selain daripada sumbangan yang berbentuk wang ringgit, pengurusan dan kakitangan Kumpulan Boustead sentiasa menyahut seruan daripada Tabung Darah Negara. Kami turut memperkembangkan peranan ini dengan memperluaskan kempen derma darah kepada penyewa-penyewa Menara dan Wisma Boustead.

### Pembangunan Sumber Manusia

Di Boustead, kami percaya bahawa aset yang paling penting ialah kakitangan kami. Kami percaya mereka adalah kunci bagi memperkembangkan potensi kami sepenuhnya untuk mencapai matlamat dan wawasan kami. Alaf baru membawa dengannya perubahan dan cabaran baru dan tuntutan berterusan bagi barang yang lebih baik serta perkhidmatan yang berkualiti. Dalam menyahut cabaran ini, adalah sangat penting satu perancangan pembangunan sumber manusia dilakukan untuk diintegrasikan dengan rancangan strategik perniagaan bagi mencapai kecemerlangan keseluruhannya.

Di antara beberapa keutamaan kami, latihan dan pembangunan kakitangan terus menjadi yang paling penting. Kumpulan sedang melaksanakan program pembangunan kakitangan di peringkat kumpulan berdasarkan kepada tema "Ke Arah Mencapai Budaya Kecemerlangan". Program ini disasarkan kepada segenap peringkat kakitangan dan direka untuk merangsang di samping menggalakkan pertumbuhan profesional individu. Kumpulan percaya kepada polisi latihan semula yang berterusan dan peningkatan kemahiran supaya kakitangan berupaya mendaki liku-liku pembelajaran. Tujuan latihan kami ialah untuk mencapai kakitangan yang mempunyai pelbagai kemahiran dan lebih fleksibel yang berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi di sekeliling kita.

Another regular beneficiary of our programme is Zoo Negara where Boustead has been a long-time sponsor of the orang-utans. Each year, during the Hari Raya festive season, the personnel of the Malaysian Armed Forces have not been forgotten as recipients of our special festive goodies. More than just donations in cash, the management and staff of the Boustead Group have always responded to the call made by the National Blood Bank. We have carried this cause even further, by extending the blood donation drive to the other tenants of Menara and Wisma Boustead.

### Human Resource Development

At Boustead, we truly believe that our most important asset lies in our people. We believe that they are key to unlocking our fullest potential to achieve our corporate goals and vision. The new millennium brings with it changes and new challenges and a continual demand for better products and quality services. This is the challenge of today's human resource development function. In meeting this challenge, it is critical that a well thought-out human resource development plan be integrated with business strategic planning to achieve overall excellence.

Amongst our priorities, the training and development of our people remains high. The Group is embarking on a group-wide staff development programme based on the theme, "Towards Achieving A Culture of Excellence". This programme is targeted at all levels of staff and is designed to stimulate and encourage individual professional growth. The Group subscribes to a policy of continual retraining and skills upgrading so that staff can ascend a steep learning curve. Our training objective is to achieve a pool of multi-skilled and highly flexible employees who can easily adapt to technological changes taking place around us.



Penanaman pokok milenium.

Millennium tree planting.

Apartmen kos rendah di Mutiara Rini.

Low cost apartments at Mutiara Rini.



Peserta-peserta dengan penuh khusyuk mengikuti seminar Pengurus-pengurus Kanan.

Participants in deep thought at the Senior Managers' Seminar.



## CHAIRMAN'S STATEMENT

Dalam era perniagaan kini, tiada syarikat yang boleh mengenelekan kepentingan kualiti. Kualiti adalah sangat penting dan sentiasa menjadi sebahagian daripada budaya Boustead dan cara yang terbaik untuk membuktikannya ialah menerusi kempen di antara anak-anak syarikat utama kumpulan untuk mendapatkan pengiktirafan sistem kualiti ISO 9000 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kami berasa bangga mengumumkan bahawa satu daripada anak syarikat kami, Boustead Travel Services Sdn Bhd, telah berjaya memperolehi pengiktirafan ISO 9002 dalam bulan Julai 2000.

Di Boustead, matlamat kami ialah untuk mewujudkan kerjaya bukan pekerjaan. Sebagai ganjaran untuk mengekalkan kakitangan yang dedikasi dan setia sepanjang hayat, Lembaga telah meluluskan Skim Opsyen Saham Kakitangan yang baru bagi mengantikan skim sebelum ini yang akan tamat pada 13 Jun 2001. Saya berharap Skim Opsyen Saham Kakitangan baru ini akan merangsang para kakitangan kepada prestasi yang lebih baik dan menanam rasa kepunyaan terhadap syarikat melalui penyertaan ekuiti yang ditawarkan di bawah skim ini.

### **Harapan & Prospek**

Meskipun diselubungi dengan faktor-faktor luaran, masa hadapan ekonomi negara bagi tahun 2001 kekal terus memberangsangkan. Kerajaan dijangka akan meneruskan pengembangan polisi fiskal di samping memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan permintaan dalam negara, memajukan sumber-sumber baru pertumbuhan dan mengukuhkan persaingan. Kesemua sektor ekonomi dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan positif.

Dalam tahun kewangan yang akan datang, Bahagian Kewangan & Pelaburan dijangka memberi sumbangan positif kepada keuntungan Kumpulan berikutan penggabungan Kumpulan Perbankan Affin dengan

In this age of doing business, no corporation can ignore the quality imperative. Quality is and has always been an important part of the Boustead culture and nowhere is this better manifested than in the drive among the Group's key subsidiaries to achieve certification to the internationally recognised ISO 9000 quality system. We are proud to announce that one of our subsidiaries, Boustead Travel Services Sdn Bhd, has already successfully earned accreditation to the coveted ISO 9002 certification in July 2000.

At Boustead, our goal is to create careers, not just jobs. As a reward to retain dedicated and loyal life-time employees, the Board has approved a new Employees' Share Option Scheme (ESOS) to replace an earlier scheme set to expire on 13 June 2001. I hope that the new ESOS will motivate staff to better performance and create a sense of ownership in the company through the equity participation offered under the scheme.

### **Outlook & Prospects**

Though clouded by external factors, the outlook for the domestic economy in 2001 remains favourable. The Government is expected to pursue an expansionary fiscal policy while introducing measures to promote expansion in domestic demand, develop new sources of growth and strengthen competitiveness. All sectors of the economy are expected to continue to register positive growth.

In the coming financial year, the Finance & Investment Division is expected to make a positive contribution to Group profits following the merger of the Affin Banking Group with the BSN Banking Group, and the restructuring

**Penggunaan alat mekanisasi terkini, bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dan peningkatan produktiviti.**

**Latest mechanisation tools used to overcome labour shortages and increase productivity.**





Kumpulan Perbankan BSN, dan juga penyusunan semula portfolio hutang serta penambahan modal Affin Bank. Pendapatan daripada sektor perladangan bergantung kepada pergerakan harga minyak sawit mentah yang berkemungkinan tidak akan meningkat sehingga pertengahan kedua tahun. Sementara itu, langkah-langkah telah diambil oleh sektor ini untuk mengurangkan kos, di samping meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti bagi mengurangkan akibat dari pergerakan harga yang negatif. Pendapatan harta tanah akan meningkat lagi berikutan aktiviti pembangunan yang masih dilaksanakan di Mutiara Damansara dan Mutiara Rini. Pertumbuhan yang berterusan di dalam sektor pembuatan negara akan memberi manfaat kepada Bahagian Pembuatan Boustead, terutamanya UAC. Dengan kegiatan penyusunan semula yang dilaksanakan, kami juga menjangka kerugian daripada syarikat-syarikat perniagaan kami dapat dibendung. Tanpa mengambil kira keadaan yang tidak dijangka, Lembaga berasa yakin bahawa keuntungan akan meningkat pada tahun hadapan.

## Penghargaan

Meskipun tahun laporan adalah sukar, kakitangan Kumpulan Boustead telah menunjukkan bahawa mereka adalah setanding kepada cabaran. Mereka telah menunjukkan contoh komitmen dan profesionalisma yang tinggi, kualiti yang telah membantu Kumpulan berjaya. Bagi pihak Lembaga, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesetiaan dan sokongan mereka.

Terima kasih dan penghargaan saya juga ditujukan kepada para pemegang saham, pembiaya kewangan dan sekutu niaga. Sokongan dan timbang rasa mereka telah memberikan perbezaan yang banyak dalam tahun yang sukar ini.

**JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD  
GHAZALI HJ. CHE MAT**

Pengerusi  
19 Mac 2001

of the loan portfolio and the recapitalisation of the Affin Bank. Earnings from the plantation sector will depend on the movement of CPO prices which are unlikely to pick up until the second half of the year. Meanwhile, steps have been taken in this sector to reduce costs, while improving operational efficiencies and productivity to cushion any negative price movements. Property earnings will increase further with ongoing development activities at Mutiara Damansara and Mutiara Rini. Sustained growth in the nation's manufacturing sector will benefit the Manufacturing Division, particularly UAC. With the rationalisation exercise now underway, we also expect to contain losses by our trading companies. Barring any unforeseen circumstances, the Board is reasonably confident that the profit level will rise in the coming year.



**Impresi  
pembangunan  
komersil di Mutiara  
Damansara.**

**Impressions of  
commercial  
development in  
Mutiara Damansara.**



## Appreciation

In what was a very difficult year, the staff of the Boustead Group have shown that they are equal to the challenge. They have displayed exemplary commitment and a high degree of professionalism, qualities that helped see the Group through. On behalf of the Board, I would like to thank them for their loyalty and support.

My gratitude and appreciation is also extended to our shareholders, financiers and business associates. Their support and understanding made all the difference in a difficult year.

**GEN. (R) TAN SRI DATO' MOHD  
GHAZALI HJ. CHE MAT**

Chairman  
19 March 2001

# Tinjauan Ketua Eksekutif

## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

### Keputusan Operasi

Sukacita saya melaporkan bahawa Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak RM86 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2000. Walaupun 63% lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, namun ianya adalah pencapaian yang memuaskan memandangkan keadaan seperti harga komoditi yang rendah yang di luar kawalan kita dan peruntukan berhemat oleh Kumpulan Affin.

Perolehan Kumpulan bagi tahun laporan ialah sebanyak RM890 juta, manakala aset bersih sesaham ialah RM5.50 (1999: RM5.62). Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham hanya RM5.4 juta disebabkan kadar cukai efektif yang tinggi berikutan kerugian yang dialami oleh beberapa syarikat Kumpulan.

Untuk memudahkan perbandingan, sepanjang tinjauan ini saya telah menggunakan keputusan dua belas bulan berakhir 31 Disember 1999, daripada akaun yang telah diaudit sebelum ini bagi tempoh lapan belas bulan.



### Operating Results

It is my pleasant task to report that the Group recorded a pre-tax profit of RM86 million for the year ended 31 December 2000. Although this is a reduction of 63% over that of the comparable period of last year, it is nevertheless a satisfactory performance considering circumstances such as low commodity prices, which are beyond our control, and higher provisioning by the Affin Group.

Group turnover for the year under review was RM890 million, while net assets per share is RM5.50 (1999: RM5.62). Profit attributable to shareholders is only RM5.4 million as a result of a higher effective tax rate following losses incurred by certain group companies.

To facilitate ease of comparison, throughout this review I have used the twelve months result to 31 December 1999, rather than the previous audited accounts which are for an eighteen-month period.

**Dato' Lodin Wok Kamaruddin  
(Pengarah Urusan Kumpulan  
Group Managing Director)**

Tapak semaihan kelapa sawit.

Oil palm nursery.

**Bahagian Perladangan**

	2000	1999
<b>Hasil</b>	RM 239j	RM 342j
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>	RM 67.4j	RM 182.7j
<b>Jumlah aset digunakan</b>	RM 1,434j	RM 1,327j
<b>Pekerja</b>	<b>7,928</b>	<b>7,509</b>
Purata harga yang direalisasi		
- minyak sawit (setan)	RM 997	RM 1,429
- isirong sawit (setan)	RM 660	RM 1,059
- BTB (setan)	RM 167	RM 280
- getah (sekiло)	RM 2.39	RM 2.33
Pengeluaran		
- BTB	887,478t	897,856t
- getah	1,641t	2,578t
Kawasan tanaman		
- kelapa sawit	78,086ha	76,942ha
- getah	1,450ha	1,870ha
- pokok jati/lain-lain	675ha	535ha

Tahun laporan menyaksikan peningkatan 11% kawasan sawit matang kepada 46,624 hektar dengan penambahan kawasan seluas 4,757 hektar dari ladang-ladang Sungai Lelak, Kanowit dan Bukit Limau di Sarawak. Jumlah kawasan belum matang ialah 31,462 hektar dengan tanaman baru ditumpukan di ladang-ladang Sugut, Kanowit dan PT Dendymarker. Di samping itu, seluas 780 hektar kawasan matang telah ditanam semula dengan kelapa sawit.

Hasil sawit yang tinggi pada tahun 1999 berterusan ke tahun baru sebelum memasuki tempoh hasil menurun yang berpanjangan yang dapat dirasai khususnya di Sabah. Pengeluaran, bagaimanapun mula meningkat daripada bulan Mei sebelum mencécah paras paling tinggi dalam bulan November. Jumlah pengeluaran BTB sebanyak 887,000 tan adalah 1% lebih rendah daripada anggaran dan tahun sebelumnya.

**Plantation Division**

	2000	1999
<b>Revenue</b>	RM 239m	RM 342m
<b>Pre-tax profit</b>	RM 67.4m	RM 182.7m
<b>Total assets employed</b>	RM 1,434m	RM 1,327m
<b>Employees</b>	<b>7,928</b>	<b>7,509</b>
Average prices realised		
- palm oil (per tonne)	RM 997	RM 1,429
- palm kernel (per tonne)	RM 660	RM 1,059
- FFB (per tonne)	RM 167	RM 280
- rubber (per kilo)	RM 2.39	RM 2.33
Production		
- FFB	887,478t	897,856t
- rubber	1,641t	2,578t
Planted area		
- oil palm	78,086ha	76,942ha
- rubber	1,450ha	1,870ha
- teak/others	675ha	535ha

The year saw an 11% increase in mature oil palm hectarage to 46,624 hectares with the addition of 4,757 hectares from Sungai Lelak, Kanowit and Bukit Limau estates in Sarawak. Immature fields total 31,462 hectares with new plantings confined to Sugut, Kanowit and PT Dendymarker estates. In addition, 780 hectares of mature area were replanted into oil palm.

The high oil palm cropping pattern of 1999 continued into the new year before it went into a prolonged trough period which was felt mainly in Sabah. Production, however started to improve from May before peaking in November. Total FFB production of 887,000 tonnes was 1% below both target and the previous year.

## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

Ketujuh-tujuh kilang sawit Kumpulan, dengan jumlah kapasiti pengilangan sebanyak 210 tan BTB sejam, memproses sebanyak 810,000 tan BTB, atau 104% daripada anggaran. Kadar purata perahan minyak sawit sebanyak 19.3% terus mengatasi purata industri kebangsaan iaitu sebanyak 18.9%. Dalam tahun laporan, kapasiti pengilangan Kumpulan telah ditingkatkan sebanyak 30 tan sejam berikutan terbinanya kilang sawit yang baru di ladang TRP. Kilang ini menggantikan kilang sawit BMR yang telah ditutup berikutan isu pembangunan dan alam sekitar.

Meskipun hasil sawit dan kos pengeluaran adalah seperti yang dijangkakan, pendapatan merosot sebanyak 63% kepada RM67 juta disebabkan terutamanya kemerosotan harga minyak sawit mentah sebanyak 30%. Kejatuhan harga sawit sangat teruk daripada ketinggian RM1,270 setan pada bulan April, pasaran menjunam dan terus mengalami keadaan tidak menentu. Kejatuhan harga mencecah paras paling rendah dalam tempoh 14 tahun iaitu sebanyak RM715 dalam bulan Oktober, sebelum kembali pulih kepada RM750 setan di akhir tahun. Harga purata minyak sawit mentah yang dicapai untuk tahun susut secara mendadak daripada RM1,429 pada tahun lepas kepada RM997.

Harga sawit yang menurun adalah disebabkan kombinasi beberapa faktor negatif. Ini termasuk stok minyak sawit dan minyak masak lain yang tinggi di mana pertumbuhan bekalan melebihi pertumbuhan permintaan serta duti impot yang tinggi yang dikenakan oleh negara-negara pengguna yang besar di samping persaingan yang sengit daripada Indonesia.

Meskipun dalam keadaan begini, Bahagian Perladangan kekal sebagai penyumbang utama kepada keuntungan Kumpulan. Kelapa sawit masih diberi tumpuan utama, merangkumi 97% daripada jumlah kawasan penanaman. Getah kekal sebagai tanaman sampingan, mewakili hanya

The seven palm oil mills of the Group, with a total milling capacity of 210 tonnes FFB per hour, processed 810,000 tonnes of FFB, or 104% of budget. The average oil recovery rate of 19.3% continues to be superior to the national industry average of 18.9%. During the year, the Group's milling capacity was increased by 30 tonnes per hour with the commissioning of a new palm oil mill at TRP estate. This replaced the BMR palm oil mill, which was closed down due to development and environment issues.

Although yields and production costs performed to expectations, earnings declined by 63% to RM67 million, due largely to a 30% drop in CPO prices. The fall in the palm oil price was rather severe; from a peak of RM1,270 per tonne in April, the market went into a tailspin. Its free fall reached a 14-year low of RM715 in October, before recovering to close the year at RM750 per tonne. Our average CPO price achieved for the year therefore was sharply reduced from RM1,429 last year to RM997.

The decline in palm oil price was due to a combination of negative factors. These included high stocks of palm oil and other competing oils as demand growth lagged behind supply growth, plus the imposition of higher import duties by major consuming countries and stiff competition from Indonesia.

Despite all this, the Plantations Division remains the leading contributor to Group profits. Oil palm remained the sole focus, accounting for 97% of the total area under cultivation. Rubber remains a fringe crop, representing only 2% of total hectarage. The rubber market continued to be



Penuaian kelapa sawit.

**Oil palm harvesting.**

Pohon kayu jati muda.

Young teak plants.



Pembenihan embrio kelapa sawit.

**Germination of oil palm embryos.**

Kilang sawit Trong yang baru di Estet TRP.

New Trong palm oil mill at TRP Estate.



2% daripada jumlah hektar tanaman. Pasaran getah terus dibelenggu dengan keadaan pasaran yang lembab. Keputusan Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa untuk menjual kesemua simpanan stoknya pada bulan Jun 2001 dan pengeluaran getah asli yang meningkat di Thailand dan Indonesia menyebabkan pasaran berlebihan bekalan. Harga purata getah yang diperolehi oleh Kumpulan pada RM2.39 sekilo menjadikannya kurang menarik.

Keuntungan yang kurang sebanyak 50% bagi **Boustead Estates Agency Sdn Bhd** adalah sejajar dengan kemerosotan harga komoditi. Perkhidmatan Agensi Am dan Teknikal terus menjadi penyumbang besar kepada hasil pendapatan. Dalam tahun laporan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal berjaya menyiapkan kilang sawit Trong dan fasa pertama menaikkan taraf kilang sawit Hap Seng Consolidated Berhad berdekatan dengan kilang sawit Tomanggong dan Tai Tak di Johor. Kerja-kerja perundingan sedang dijalankan untuk TH Plantations bagi pembinaan kilang sawit berkapasiti 120 tan sejam di Riau, Indonesia. Pembinaan kilang sawit berkapasiti 60 tan sejam di Loagan Bunut dan di Kanowit juga masih dalam perlaksanaan.

**Boustead Estates Agency (Sabah) Sdn Bhd** meskipun masih memperolehi keuntungan, menyaksikan hasil pendapatannya terjejas akibat dari penurunan purata harga komoditi dan pengeluaran.

**Boustead Anwarsyukur Estates Agency Sdn Bhd** mula memberi sumbangan positif setelah hasil pendapatan daripada perkhidmatan agensi am meningkat. Dalam tahun laporan, syarikat menandatangani satu perjanjian dengan P.T. Wanaasri Fajarindo Perkasa untuk menyediakan khidmat nasihat pertanian.

plagued by bearish market conditions. INRO's decision to sell its entire stockpile by June 2001 and rising natural rubber production in Thailand and Indonesia hit the market with excess supply. The average rubber price realised by the Group of RM2.39 per kilo remains unattractive.

The 50% reduction in the profitability of **Boustead Estates Agency Sdn Bhd** was in line with declining commodity prices. General Agency and Technical Services remain significant contributors to revenue. During the course of the year, the Technical Services Department successfully commissioned the Trong palm oil mill and the first phase of upgrading of Hap Seng Consolidated Berhad's palm oil mill near Tomanggong and Tai Tak palm oil mill in Johor. Consultancy works are on-going with TH Plantations for the construction of a 120 tonnes per hour palm oil mill in Riau, Indonesia. In-house construction of the 60 tonnes per hour capacity mills at Loagan Bunut and Kanowit are also in progress.

**Boustead Estates Agency (Sabah) Sdn Bhd**, although remaining profitable, saw revenue affected as a result of the slide in the average commodity prices and shortfall in production levels.

**Boustead Anwarsyukur Estates Agency Sdn Bhd** began to make a positive contribution as revenue from general agency services increased. During the year, the company signed an agreement with P.T. Wanaasri Fajarindo Perkasa to provide agricultural advisory services.

## TINJAUAN KETUA EKSEKUTIF

## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

**Bahagian Kewangan & Pelaburan**

	2000	1999
(Kerugian) keuntungan sebelum cukai	(RM 50j)	RM 22j
Aset digunakan	RM 1,280j	RM 1,156j
Pekerja	148	146

Kerugian yang dialami oleh Kumpulan Affin berserta kos faedah yang tinggi ditanggung oleh syarikat induk mengakibatkan kerugian bahagian. Kerugian **Boustead Holdings Berhad** mencerminkan kos pegangan pelaburan kerana pinjaman syarikat masih tinggi pada RM530 juta.

Dengan permulaan yang agak lembab, **Boustead Credit Sdn Bhd** berjaya mencatatkan keuntungan yang memuaskan bagi tahun laporan. Pendapatan meningkat dengan pengurusan aset dan liabiliti yang efektif, peruntukan yang lebih rendah serta pengurusan kredit yang lebih berhemat. Aktiviti pinjaman terus ditumpukan kepada pemberian kewangan berdasarkan runcit, terutamanya kenderaan penumpang.

Tahun 2000 bermula dengan baik bagi **Royal & Sun Alliance Insurance (M) Bhd** dengan penyatuan sistem-sistem Royal dan Sun Alliance. Keuntungan underwriting adalah lebih baik tetapi dengan peruntukan yang tinggi ke atas susut nilai pelaburan, keuntungan sebelum cukai sebanyak RM18.7 juta adalah 30% lebih rendah daripada tahun sebelumnya.

**Affin Holdings Berhad**, sebuah daripada sepuluh institusi kewangan teras yang dipilih berjaya menyempurnakan proses penggabungan di antara Kumpulan Perbankan Affin dan Kumpulan Perbankan BSN. Hasil daripada penggabungan ini, Affin Bank Berhad memperkembangkan cawangan-cawangannya di seluruh negara daripada 87 kepada 110. Syarikat kewangan, Asia Commercial Finance, turut menambah cawangan-cawangannya daripada 57 kepada 63 berikutan penggabungannya dengan Affin Finance dan akan meningkat kepada 69 apabila penggabungan dengan BSN Finance disempurnakan. Dengan terlaksananya proses penggabungan ini, Kumpulan Affin bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan daripada globalisasi dan liberalisasi, serta perkembangan ekonomi domestik yang sentiasa berubah.

**Finance & Investment Division**

	2000	1999
Pre-tax (loss) profit	(RM 50m)	RM 22m
Total assets employed	RM1,280m	RM 1,156m
Employees	148	146

Losses suffered by the Affin Group coupled with higher interest costs incurred by the parent company resulted in the divisional loss. **Boustead Holdings Berhad's** loss reflects carrying cost of investments as company borrowings remain high at RM530 million.

After a slow start, **Boustead Credit Sdn Bhd** managed to turn the corner to register a satisfactory profit for the year under review. Earnings were boosted by effective asset and liability management, lower loan provisions and prudent credit administration. Lending activities remain focused on retail based financing, particularly passenger vehicles.

The year 2000 started well for **Royal & Sun Alliance Insurance (M) Bhd** with the integration of the Royal and Sun Alliance systems. Underwriting profits were better but, with higher provision for diminution in value of investments, pre-tax profit of RM18.7 million was 30% lower than the previous year.

**Affin Holdings Berhad**, one of the ten chosen anchor financial institutions, successfully concluded the merger exercise between the Affin Banking Group and the BSN Banking Group. Arising from the merger, Affin Bank Berhad increased its branches nation-wide from 87 to 110. The finance company, Asia Commercial Finance Berhad, also increased its branches from 57 to 63 following the merger with Affin Finance, and will increase further to 69 when the BSN Finance merger is completed. With the completion of these mergers, the Affin Group is positioned to meet the expected future challenges from globalisation and liberalisation, as well as the demands of a developing and changing domestic economy.




Cawangan Affin Bank di Wangsa Maju dengan logo baru.

Affin Bank's Wangsa Maju branch with new logo.

Kemudahan pembinaan dan pumbaikan kapal PSC Industries di Pulau Jerejak.

PSC Industries' ship building and repair facilities at Pulau Jerejak.



Keputusan Kumpulan bagi tempoh laporan, bagaimanapun, adalah mengecewakan dengan kerugian sebanyak RM96 juta. Ini adalah kerana peruntukan hutang yang lebih tinggi yang dibuat bagi kedua-dua bank komersial dan saudagar. Sektor-sektor lain, termasuk syarikat kewangan, syarikat diskaun dan broker saham, menghasilkan keputusan yang memberangsangkan.

**PSC Industries Berhad** menumpukan usaha dan sumbernya dalam memastikan kejayaan projek kapal ronda, yang ditandatangani antara anak syarikat PSC-Naval Dockyard Sdn Bhd dengan Kerajaan Malaysia, untuk mereka, membina dan menyiapkan enam kapal ronda untuk Tentera Laut DiRaja Malaysia. Projek ini yang bernilai RM5.35 billion telah dilancarkan secara rasmi pada 1 Ogos 1999 dan kini adalah lebih awal daripada jadual.

Kumpulan PSCI mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM109 juta di atas perolehan sebanyak RM743 juta bagi tempoh laporan. Penyumbang terbesar kepada keuntungan adalah daripada aktiviti-aktiviti pembinaan kapal, pumbaikan kapal dan pemasangan keluli.

Group results for the period under review were, however, disappointing as a loss of RM96 million was incurred. This was due to higher loan provisions by both the commercial and merchant banks. Other sectors, including the finance company, discount house and stockbroking, produced commendable results.

**PSC Industries Berhad** concentrated its efforts and resources on ensuring the success of the patrol vessel project, signed between subsidiary company PSC-Naval Dockyard Sdn Bhd and the Malaysian Government, to design, construct and deliver six patrol vessels for the Royal Malaysia Navy. The project, worth RM5.35 billion, officially commenced on 1 August 1999 and is presently ahead of schedule.

The PSCI Group achieved a pre-tax profit of RM109 million on a turnover of RM743 million for the period under review. Major contributors to profits were from ship building, ship repair and steel fabrication activities.

Cawangan Asia  
Commercial Finance  
di SS2, Petaling Jaya.

Asia Commercial  
Finance's branch  
at SS2, Petaling Jaya.



## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

**Bahagian Hartanah**

	2000	1999
<b>Hasil</b>	<b>RM 190j</b>	<b>RM 115j</b>
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>	<b>RM 65.6j</b>	<b>RM 21.2j</b>
<b>Jumlah aset digunakan</b>	<b>RM 831j</b>	<b>RM 727j</b>
<b>Pekerja</b>	<b>59</b>	<b>63</b>

Keputusan Kumpulan mempelbagaikan kegiatannya dengan menyertai di dalam pembangunan hutan tanah telah menunjukkan kejayaan dengan Bahagian ini menyumbang keuntungan yang sungguh memberangsangkan sebanyak RM66 juta bagi tahun laporan iaitu tiga kali ganda pencapaian tahun sebelumnya.

Hartanah pelaburan di bawah **U K Realty Sdn Bhd**, **Weld Court Realty Sdn Bhd** dan **SCB Developments Berhad** memperolehi pulangan sewa yang sungguh menggalakkan meskipun pada keseluruhan pasaran ruang pejabat adalah lembab. Ini adalah kerana lokasi strategik hutan tanah-hutan tanah ini dan program penyelenggaraan jangka panjang yang lebih teliti yang diambil oleh Kumpulan bagi memastikan nilai aset semakin meningkat. Dalam tahun laporan, sebuah bangunan pejabat di Jalan Ampang telah dijual dengan keuntungan RM1.4 juta dan pembinaan sebuah bangunan pejabat serta bengkel di Kuantan telah disiapkan dan disewa.

Projek pembangunan **Mutiara Rini** di Skudai, Johor terus mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Dalam tahun laporan, 512 unit rumah kos rendah dan 163 unit rumah teres satu tingkat telah diserahkan kepada pembeli mengikut jadual, manakala 262 unit rumah teres dua tingkat telah dilancarkan. Di samping itu, syarikat turut berjaya menyiapkan pembinaan sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah yang terletak di dalam kawasan projek perumahan untuk Kementerian Pendidikan.

Projek pembangunan kedua, dikenali sebagai Mutiara Damansara yang terletak di Lembah Kelang, telah dilancarkan dalam bulan Oktober 2000. Fasa pertama yang merangkumi rumah teres dua tingkat telah dilancarkan dan dijual secara undian, mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan. Di samping itu IKEA, sebuah kumpulan perkakas rumah yang terkenal di peringkat antarabangsa, telah membeli satu kawasan seluas 13 ekar bagi menempatkan stor mereka yang terbesar di Asia dan diikuti dengan pembelian tanah seluas 8 ekar oleh Tesco Stores untuk satu kompleks pasaraya.

**Property Division**

	2000	1999
<b>Revenue</b>	<b>RM 190m</b>	<b>RM 115m</b>
<b>Pre-tax profit</b>	<b>RM 65.6m</b>	<b>RM 21.2m</b>
<b>Total assets employed</b>	<b>RM 831m</b>	<b>RM 727m</b>
<b>Employees</b>	<b>59</b>	<b>63</b>

The Group's prudent diversification into property development has paid off with the Division making an excellent profit contribution of RM66 million for the year under review which is more than three times that of the previous year.

Investment properties held under **U K Realty Sdn Bhd**, **Weld Court Realty Sdn Bhd** and **SCB Developments Berhad** commanded respectable rentals despite the overall depressed office space market. This was largely due to the strategic location of these properties and the Group's long term view of stringent maintenance programmes adopted to ensure assets appreciate in value with time. During the year, an office building along Jalan Ampang was disposed of for a profit of RM1.4 million and the construction of an office cum workshop building in Kuantan was completed and leased out.

**Mutiara Rini Sdn Bhd**'s development project in Skudai, Johor continued to draw an encouraging response from the market. During the year, 512 units of low cost houses and 163 units of single storey terrace houses were handed over on schedule to purchasers, whilst 262 units of double storey terrace houses were launched. In addition, the company successfully completed the construction of primary and secondary schools sited within the housing project for the Ministry of Education.

The second development project, known as Mutiara Damansara which is located in the Klang Valley, was launched in October 2000. The first phase comprising double storey terraced houses which was launched and sold by ballot, received excellent response. In addition, IKEA an internationally known home furnishing group, acquired a 13-acre site to locate their largest store in Asia followed by the purchase of 8 acres by Tesco Stores for a hypermarket complex.



Rumah-rumah yang sedang dibina di Mutiara Damansara.

Mutiara Damansara houses under construction.

Rumah-rumah  
Mutiara Damansara  
dengan pelan lantai.

Mutiara Damansara  
houses with their  
floor plan.



Keuntungan **Boustead Development Sdn Bhd** bagi tahun laporan meningkat ekoran aktiviti yang berkembang di Mutiara Rini, Johor dan bermulanya projek Mutiara Damansara.

Di utara, syarikat usahasama kita, **Jernih Rezeki Sdn Bhd** yang memajukan Taman Jernih mencatatkan sedikit keuntungan hasil dari sentimen pasaran hartanah yang semakin baik.

**Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd** masih menunggu kelulusan daripada Dewan Bandaraya untuk memulakan pembangunan di tapak panggung wayang Cathay-Pavilion dahulu dalam tahun 2001. Sementara itu, syarikat terus menikmati pendapatan sewa yang baik daripada tempat letak kereta sementara di tapak ini.

**Kulai Batu Quarry Sdn Bhd** terus beroperasi di dalam keadaan pasaran yang sukar. Meskipun jualan meningkat lebih dari 100%, paras harga pada keseluruhannya masih rendah oleh kerana permintaan untuk agregat tidak meningkat. Tanpa mengambil kira perkara di atas, pengambil alihan Kumpulan Pioneer oleh Kumpulan Hansen seharusnya menghasilkan keputusan yang lebih baik.

Aktiviti **Akademi Pendidikan Pemandu (M) Sdn Bhd** sebagai sekolah memandu diteruskan sementara menunggu kelulusan daripada Dewan Bandaraya untuk dimajukan. Sementara itu, polisi-polisi baru yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk melindungi dan meningkatkan industri institusi memandu turut membantu meningkatkan hasil pendapatan di mana syarikat mencatatkan pertumbuhan lebih dari 100%.

**Boustead Development Sdn Bhd's** profit for the year was enhanced due to increased activities at Mutiara Rini, Johor and the commencement of the Mutiara Damansara project.

In the north, our joint venture company, **Jernih Rezeki Sdn Bhd** which is developing Taman Jernih recorded a small profit as a result of improved sentiments in the property market.

**Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd** anticipates approval from Dewan Bandaraya to commence development of the former Cathay-Pavilion theatre site in 2001. Meanwhile, the company continues to enjoy good rental income from the temporary carparks on the sites.

**Kulai Batu Quarry Sdn Bhd** continues to operate under difficult market conditions. Although sales volume improved by over 100%, prices were lower as demand for aggregate remained static. Notwithstanding the above, the takeover of Pioneer Group by the Hansen Group should result in a better performance.

**Akademi Pendidikan Pemandu (M) Sdn Bhd's** activities as a driving school continues pending Dewan Bandaraya's approval for our development plans. Meanwhile new policies introduced by Jabatan Pengangkutan Jalan to protect and enhance the driving institute industry helped to boost revenue growth of over 100%.



Pejabat jualan Mutiara Damansara yang sedang dibina menggunakan sistem rangka atap keluli dari UAC.

Mutiara Damansara's sales office under construction using UAC's steel roof truss system.

## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

**Bahagian Pembuatan & Perdagangan**

	2000	1999
Hasil	RM 405j	RM 417j
Keuntungan sebelum cukai	RM 4.3j	RM 1.8j
Jumlah aset digunakan	RM 387j	RM 386j
Pekerja	723	879

Keputusan Bahagian ini, meskipun lebih rendah dari yang dijangkakan, adalah lebih baik daripada tahun sebelumnya disebabkan prestasi yang meningkat daripada syarikat-syarikat Pembuatan. Sebahagian besar syarikat-syarikat Perdagangan menghasilkan keputusan yang mengecewakan setelah berterusan mengalami kesan perdagangan yang merosot.

Prestasi **Boustead Sissons Paints Sdn Bhd** bagi tahun laporan telah terjejas berikutan meningkatnya kos bahan mentah. Meskipun jualan berkembang sebanyak 5%, namun margin operasi adalah lebih rendah daripada pencapaian tahun sebelumnya. Syarikat menumpukan usaha jualan dan pemasarannya pada sistem Omnicolor di mana margin keuntungan untuk cat asas adalah lebih baik. Saingan dalam pasaran terus sengit dengan jualan kontrek dan projek meningkat menjelang akhir tahun.

Setelah setahun beroperasi secara komersial, **Sissons Paints Co Ltd Shaoxing** berjaya menembusi pasaran tempatan, terutamanya bagi jualan projek, tetapi belum lagi berjaya mencapai keuntungan.

Prestasi menggalakkan **Phoenix Heights Sdn Bhd** pada akhir 1999 tidak dapat dikekalkan ke tahun 2000. Jualan tempatan menjunam, mengakibatkan stok dalam pasaran dan kilang yang tinggi. Pengeluaran diberhentikan sementara bagi mengurangkan stok. Penggantungan kepada hanya satu produk telah menunjukkan akibatnya. Untuk mengatasi keadaan ini, tiga produk baru, Serbuk Madu Asli, Calcium Propionate, iaitu bahan pengawet makanan dan Krimer Kopi, telah dimajukan. Rancangan sedang dijalankan untuk melancarkan produk-produk ini tidak lama lagi.

**Manufacturing & Trading Division**

	2000	1999
Revenue	RM 405m	RM 417m
Pre-tax profit	RM 4.3m	RM 1.8m
Total assets employed	RM 387m	RM 386m
Employees	723	879

Divisional results, although lower than expected, were better than last year due to the better performance from Manufacturing companies. Most Trading companies returned disappointing results as they continued to suffer from the effects of poor trading conditions.

**Boustead Sissons Paints Sdn Bhd**'s performance for the year under review was adversely affected by the escalation of raw material costs. Despite a 5% increase in volume, operating margins were lower than those achieved in the previous year. The company focused its sales and marketing efforts on the Omnicolor system where margins for base paints are generally better. Competition in the market place remains intense with contract and project sales picking up towards the latter part of the year.

After a year of commercial production, **Sissons Paints Co Ltd Shaoxing** had made inroads into the local market, especially in project sales, but was not able to achieve profitability.

The encouraging performance of **Phoenix Heights Sdn Bhd** at the end of 1999 was not sustained into the year 2000. Domestic sales plummeted, resulting in high trade and factory stocks. Production was temporarily suspended to run down stocks. The reliance on one product line has shown its adverse consequences. To overcome this, three new product lines, Pure Honey powder, Calcium Propionate, a food additive and Coffee Creamer have been developed. Plans are being finalised to launch these new products soon.

Kilang cat baru  
Boustead Sissons  
di Shaoxing, China.

Boustead Sissons'  
new paint factory  
in Shaoxing, China.



Barangan KAO. KAO products.

**Bangunan-bangunan berprestij di Kuala Lumpur menggunakan barang UAC yang ringan dan serba boleh.**

**Light weight and versatile products of UAC Berhad used in prestigious buildings in Kuala Lumpur.**



**Boustead Mint Sdn Bhd** memberhentikan operasi kilang wangnya di Shah Alam pada akhir bulan Jun apabila ia menyerahkan balik pengurusan dan operasi kilang wang tersebut kepada Bank Negara Malaysia. Kumpulan merasa bangga kerana diberi kepercayaan untuk menjalankan operasi kilang wang yang diswastakan dari 1 Oktober 1998. Dalam jangkamasa operasi yang singkat ini, kilang wang telah diberi peluang untuk mengeluarkan dua syiling peringatan sempena Formula One Grand Prix Malaysia Yang Pertama.

**UAC Berhad**, yang telah mengubah tarikh akhir akaun tahunannya dan menyediakan akaun yang telah diaudit untuk 18 bulan sehingga 31 Disember 2000, melaporkan keuntungan sebelum cukai yang memberangsangkan sebanyak RM55.4 juta, berbanding RM32.7 juta bagi dua belas bulan sebelumnya. Keadaan ekonomi yang semakin baik, pencapaian yang semakin meningkat di peringkat syarikat, serta keuntungan sebanyak RM7.7 juta yang diperolehi hasil dari pelupusan anak-anak syarikat automasi pembinaan, CNA Engineers Pte Ltd dan CNA Engineering Sdn Bhd merupakan faktor-faktor penyumbang utama. Pertumbuhan yang berterusan bagi penjualan produk serabut simen berikutan permintaan tempatan yang meningkat bagi bahan ini mencerminkan aktiviti yang berkembang dalam sektor-sektor pembinaan dan pembangunan. Pada bulan Jun 2000, anak syarikat milikan 70%, UAC Steel Systems Sdn Bhd, memulakan pengeluaran dan pengedaran bahan binaan keluli seperti rangka atap, pasak atap dan siling dan sistem rangka keluli. Ini membolehkan UAC memperluaskan rangkaian produk dan perkhidmatannya untuk ditawarkan kepada industri binaan.

Meskipun dalam keadaan perdagangan yang mencabar bagi sebahagian besar tahun laporan, **Kao (Malaysia) Sdn Bhd** berjaya meningkatkan keuntungannya lebih dari 33%. Ini dapat dicapai menerusi kombinasi langkah-langkah yang diberi perhatian bagi mengekalkan pasaran, meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos. Usaha pemasaran yang strategik telah berjaya menggenepikan persaingan daripada mengurangkan pasaran untuk beberapa kategori produk.

**Boustead Mint Sdn Bhd** ceased to operate the mint in Shah Alam at the end of June when it relinquished the management and operation of the mint back to Bank Negara Malaysia. The Group was privileged to have been given the unique distinction to operate the privatised mint from 1 October 1998. In this short time of operation, the mint had the honour of issuing two highly successful commemorative coins in conjunction with the inauguration of the First Malaysian Formula One Grand Prix.

**UAC Berhad**, which had changed the accounting year-end and produced audited accounts for the 18 months to 31 December 2000, reported a commendable pre-tax profit of RM55.4 million, as compared with RM32.7 million for the preceding twelve months. Improved economic conditions, better performance at company level, and a gain of RM7.7 million on the disposal of building automation subsidiaries CNA Engineers Pte Ltd and CNA Engineering Sdn Bhd, were the main contributory factors. There was steady growth in the sales of fibre cement building products due to an improvement in domestic demand for such products, reflecting increased activities in the building and construction sectors. In June 2000, 70% owned subsidiary, UAC Steel Systems Sdn Bhd, embarked on the manufacture and distribution of steel building products such as roof trusses, roof and ceiling battens and steel frame systems. This enabled UAC to increase the range of products and services offered to the building industry.

Despite challenging trading conditions for the greater part of the year, **Kao (Malaysia) Sdn Bhd** managed to improve profitability by over 33%. This was achieved through a combination of focused measures in maintaining market share, enhancing revenue and reducing costs. Strategic marketing efforts were successful in warding off competitors from eroding market shares in different product categories.



## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

**Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd** mengecapi tahun yang sungguh berjaya dengan keuntungan operasi meningkat sebanyak 92% berbanding tahun sebelumnya. Manakala kenaikan keuntungan adalah menggalakkan, namun jumlah jualan tidak berubah. Pertumbuhan keuntungan dicapai menerusi tumpuan yang diberi kepada produk-produk yang menawarkan margin keuntungan yang lebih tinggi. Untuk mengekalkan pertumbuhan jangka panjang bagi jenama "Cadbury", dana tambahan disalurkan kepada aktiviti pemasaran bagi meningkatkan kedudukannya yang utama dalam pasaran cokelat.

**ESAB Boustead Sdn Bhd** menjalankan operasi pada hampir penuh kapasiti untuk sebahagian besar tahun laporan setelah permintaan bagi ESAB OK 4600 elektrod keluli sederhana mula meningkat dari suku kedua tahun.

Setelah mengalami tahun 1999 yang amat sukar, **Boustead Trading (1985) Sdn Bhd** meneruskan aktiviti penyatuannya dalam tahun 2000. Portfolio agensinya disusun semula dan operasinya diselaraskan bagi mengurangkan kos operasi. Akibatnya, operasi di Semenanjung Malaysia kini hanya memberi tumpuan kepada perniagaan stokist. Rangkaian gudang di Semenanjung Malaysia turut disusun semula berikutan penutupan lokasi-lokasi yang tidak perlu di Ipoh, Kota Bahru, Melaka dan Shah Alam. Operasi di Malaysia Timur masih meneruskan perniagaan pengedaran agensi yang sedia ada dengan pengawalan kewangan yang lebih ketat terhadap pemegangan inventori dan akaun piutang.

**Boustead Global Trade Network Sdn Bhd** telah ditubuhkan di dalam tahun laporan untuk mengendalikan agensi Sara Lee bagi meningkatkan tumpuan dan identitinya.

**Boustead Engineering Sdn Bhd** memperolehi keputusan yang cemerlang meskipun dalam keadaan pasaran projek yang lemah bagi sistem pengendalian barang dan bagasi. Permintaan bagi peralatan kejuruteraan dan pengendalian mekanikal adalah kukuh, sementara perniagaan bagi bahan kimia adalah kurang memuaskan.

**Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd** had a successful year with operating profit up by 92% over last year. While the increase in profitability is very encouraging, overall sales volume remained static. Profit value growth was achieved through concentrating on products that delivered higher margins. In order to maintain long-term growth in the "Cadbury" master brand, extra funds were channelled into marketing to increase market leadership for chocolate.

**ESAB Boustead Sdn Bhd** operated at almost full capacity for the greater part of the year as demand for certified ESAB OK 4600 mild steel electrodes began to pick up from the second quarter.

After a very difficult 1999, **Boustead Trading (1985) Sdn Bhd** continued its consolidation exercise in year 2000. The agency portfolio was further reorganised and operations streamlined to reduce operating costs. As a result, the West Malaysian operations will now focus primarily on stockist business. The branch warehouse network in West Malaysia was also rationalised with the closure of non-essential locations in Ipoh, Melaka, Kota Bahru and Shah Alam. The East Malaysian operation continued the existing agency distribution business with tighter financial controls over inventory holding and accounts receivables.

**Boustead Global Trade Network Sdn Bhd** was set up during the year to undertake the Sara Lee agency to give it enhanced focus and identity.

**Boustead Engineering Sdn Bhd** achieved an outstanding result despite weak conditions in the project market for materials and baggage handling systems. Demand was strong for engineering and mechanical handling equipment but the chemicals trading business was less encouraging.

Sistem pembawa bagasi yang telah diperbaharui di lapangan terbang Pulau Pinang yang dipasang oleh Boustead Engineering.

Refurbished baggage conveyor system at Penang airport installed by Boustead Engineering.



**Pejabat baru  
Emastulin di Selayang**

**Emastulin's new office  
at Selayang.**



**Emastulin Automobile Sdn Bhd** mencatatkan kerugian yang lebih rendah bagi tahun laporan berikutan jualan kereta Proton yang lebih baik. Jualan lori BMC adalah memuaskan kerana syarikat telah mendapat tawaran kontrak untuk membekal 71 unit kendaraan komersial kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jualan kereta penumpang Nissan menurun disebabkan harga yang meningkat.

**Boustead Johan Edaran Sdn Bhd** mengalami peningkatan perolehan sebanyak 28% sejajar dengan pemuliharan sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, saingan masih hebat mengakibatkan margin keuntungan menurun. Inventori dan akaun piutang yang tinggi telah ditangani dengan agresif sepanjang tahun dan ini membawa kepada penurunan paras kedua-dua modal kerja ini.

Meskipun pengguna berbelanja dengan lebih berhemat, **Riche Monde Sdn Bhd** berjaya memperolehi keputusan yang sungguh cemerlang bagi tahun laporan. Langkah-langkah promosi yang berterusan di dalam sektor domestik dan peningkatan penguasaan runcit dalam sektor bebas cukai telah menghasilkan penambahan pasaran bagi semua jenama utama.

Perniagaan **Drew Ameroid (Malaysia) Sdn Bhd**, yang banyak bergantung kepada industri kelapa sawit, mengalami tahun yang amat sukar tetapi paras pendapatan yang merosot dapat dibendung menerusi pengawalan sewajarnya ke atas keuntungan kasar serta pengurusan perbelanjaan yang lebih berhemat. Pada suku tahun yang lepas, satu rangkaian bahan baikpulih penyejuk air Performax Millennium yang menggunakan teknologi yang dimajukan oleh Drew USA telah diperkenalkan dalam pasaran. Ini akan pasti membantu jualan tahun hadapan.

**Emastulin Automobile Sdn Bhd** registered a lower loss for the year under review as Proton car sales were significantly better. BMC truck sales were encouraging as the company was awarded the contract to supply Dewan Bandaraya Kuala Lumpur with 71 units of commercial vehicles. Sales of Nissan passenger cars took a downturn as a result of the price increase.

**Boustead Johan Edaran Sdn Bhd** experienced a 28% improvement in turnover that was in line with the turnaround of the construction sector. However, competition remained keen resulting in the erosion of margins. High inventory and accounts receivables were addressed aggressively during the year and this brought about a reduction in the levels of both these working capital assets.

Despite cautious consumer spending, **Riche Monde Sdn Bhd** managed to produce an excellent result for the year under review. Continuous promotional manoeuvres in the domestic sector and increasing retail dominance in the duty free sector have resulted in improved market share for all core brands.

**Drew Ameroid (Malaysia) Sdn Bhd**'s business, which is dependent heavily on the palm oil industry, had a difficult year but deterioration of revenue levels were contained through proper control of gross margins and prudent management of expenses. In the last quarter, a new range of Performax Millennium cooling water treatment products using technologies developed by Drew USA was introduced into the market. This should augur well for the coming year.

**Rangkaian trak BMC  
yang dibekalkan  
kepada DBKL oleh  
Emastulin.**

**Fleet of BMC trucks  
supplied to DBKL  
by Emastulin.**

## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

**Bahagian Industri Perkhidmatan**

	2000	1999
<b>Hasil (Kerugian) keuntungan sebelum cukai</b>	<b>RM 47j</b>	<b>RM 40j</b>
<b>Jumlah aset digunakan</b>	<b>(RM 1.0j)</b>	<b>RM 3.4j</b>
<b>Pekerja</b>	<b>RM 63j</b>	<b>RM 57j</b>
	<b>585</b>	<b>545</b>

Kerugian yang dicatat oleh Bahagian ini adalah disebabkan kos permulaan yang ditanggung berikutan penubuhan University of Nottingham in Malaysia.

**Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd** mencatatkan pendapatan yang lebih rendah, disebabkan penamatan agensi K Line Kinkai yang memulakan operasinya sendiri di Malaysia Timur. Satu daripada prinsipal baru, Islamic Republic of Iran Shipping Lines, sedang berkembang dengan baik, membuka pasaran baru di Timur Tengah untuk kedua-dua perkhidmatan kontena dan pukal. Prinsipal ini akan melancarkan perkhidmatan baru pada bulan-bulan akan datang. Lain-lain aktiviti pengangkutan, seperti penghantaran barang-barang, broker kargo, perkhidmatan kargo udara dan pergudangan mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang sungguh baik.

Prestasi **Bestari Marine Sdn Bhd** adalah seperti yang dijangka dan **Cargo Freight Shipping Sdn Bhd** yang baru diambil alih sedang berkembang dengan baik meskipun pendapatannya terjejas akibat daripada kerugian sebelum ini berikutan perkhidmatannya dikurangkan oleh satu daripada Prinsipal utama mereka. **AB Shipping Pte Ltd** dan **Malakoff Management Services Pte Ltd** di Singapura mencatatkan pencapaian yang lebih baik menerusi aktiviti yang meningkat dari Prinsipal-Prinsipal mereka. Walau bagaimanapun, pencapaian **Boustead Shipping Agencies (Brunei) Sdn Bhd** tidak begitu memberangsangkan disebabkan keadaan perdagangan yang kurang baik di sana.

**Service Industry Division**

	2000	1999
<b>Revenue</b>	<b>RM 47m</b>	<b>RM 40m</b>
<b>Pre-tax (loss) profit</b>	<b>(RM 1.0m)</b>	<b>RM 3.4m</b>
<b>Total assets employed</b>	<b>RM 63m</b>	<b>RM 57m</b>
<b>Employees</b>	<b>585</b>	<b>545</b>

The loss contributed by the Division was largely due to start-up costs incurred by the newly established University of Nottingham in Malaysia.

**Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd** registered reduced revenue, which was attributed to the withdrawal of K-line Kinkai when it started its own operation in East Malaysia. One of the newer Principals, Islamic Republic of Iran Shipping Lines, is developing well, breaking new ground in the Middle East trade for both container and break bulk services. This Principal will launch new services in the coming months. Other streams of transportation activities, namely freight forwarding, cargo broking, air cargo services and warehousing, registered good revenue growth.

**Bestari Marine Sdn Bhd** was on target and newly acquired **Cargo Freight Shipping Sdn Bhd** is shaping up quite well although its revenue contribution was impacted by earlier losses due to curtailment of services by one of its bigger Principals. **AB Shipping Pte Ltd** and **Malakoff Management Services Pte Ltd** in Singapore recorded better performances through increased activities from their Principals. However, **Boustead Shipping Agencies (Brunei) Sdn Bhd** did not perform well due to adverse trading conditions there.

Boustead Travel menerima Sijil ISO 9002 dari Llyod's Register Quality Assurance Ltd.

Boustead Travel accepting the ISO 9002 certification from Llyod's Register Quality Assurance Ltd.



**P&O Nedlloyd Torres**, sebuah kapal kontena yang terbesar di dunia, berlabuh pertama kali di Pelabuhan Kontena Kelang.

Maiden call of P&O Nedlloyd Torres, one of the largest in the world, at Klang Container Terminal.



Sepanjang tahun 2000, **P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd** mengembangkan kedudukan utama mereka di Pelabuhan Kelang, di mana lapan buah kapal besar baru TEU 5,500 dalam "Explorer Class" kesemuanya berlabuh buat pertama kali di Pelabuhan Kelang dalam tempoh sembilan bulan. P&O Nedlloyd kini menawarkan tiga pelayaran terus-menerus dalam seminggu dari Pelabuhan Kelang ke Eropah Timur dan satu lagi perkhidmatan terus-menerus ke Timur Tengah, menjadikan pelayarannya yang paling kerap menggunakan laluan perdagangan penting Asia/Eropah. Kini P&O Nedlloyd menawarkan 60 pelayaran terus sebulan di Pelabuhan Kelang ke destinasi seluruh dunia di enam benua, menjadikan operasinya yang terbesar di Pelabuhan Utara.

**Boustead Travel Services Sdn Bhd** terus mencapai prestasi yang cemerlang, mencapai keuntungan yang tinggi dan memenangi kebanyakan anugerah yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan dan pengendali pelancongan. Penjualan tiket korporat adalah penyumbang utama kepada pendapatan manakala perniagaan pelancongan dan perjalanan dalam negeri mencatatkan peningkatan yang ketara. Syarikat telah dianugerahkan sijil ISO 9002 untuk perkhidmatan Tempahan dan Pembelian Tiket dalam bulan Julai. Pengiktirafan ini telah meningkatkan keupayaan bersaing kerana industri ini akan menghadapi perubahan-perubahan penting pada tahun-tahun akan datang.

**Emasewa Sdn Bhd**, pemegang francais National Car Rental di Malaysia, mencatatkan kenaikan keuntungan yang ketara. Ini dicapai melalui kombinasi usaha-usaha strategik dalam pengawalan kos, peningkatan perkhidmatan kepada pelanggan dan mengembangkan penyewaan rangkaian keretanya.

**Adskill Sdn Bhd** syarikat usahasama dengan Tafe Commission of New South Wales telah berjaya menembusi pasaran baru sementara terus memberi khidmat kepada Institut Kemahiran dan Keusahawanan PERHEBAT. Projek setahun yang melibatkan pembangunan bahan-bahan latihan untuk STAR LRT telah disempurnakan baru-baru ini. Adskill juga merupakan peneraju dalam bidang penyediaan program-program pembangunan profesional kepada kakitangan-kakitangan Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan pelajaran vokasional.

During 2000, **P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd** expanded its market leader position in Port Klang, where eight new large 5,500 TEU vessels of the "Explorer Class" made their maiden calls at Port Klang within nine months. P&O Nedlloyd now offers 3 direct calls weekly from Port Klang to North Europe and another direct service to the Mediterranean, making it the highest frequency in the important Asia/Europe trade route. Altogether, P&O Nedlloyd now offers 60 direct calls a month at Port Klang to worldwide destinations in six continents, making it the largest operator at North Port.

**Boustead Travel Services Sdn Bhd** continued to perform commendably, achieving record profits and winning most awards offered by airlines and tour operators. Corporate ticketing was the dominant revenue earner whilst leisure and inbound business registered significant improvements. The company was awarded the ISO 9002 certification for Reservation and Ticketing services in July. This accreditation has increased competitiveness as the industry is poised to undergo important changes in the years ahead.

**Emasewa Sdn Bhd**, the National Car Rental franchise holder for Malaysia, registered a significant improvement in profit. This was achieved through a combination of strategic efforts in cost control, improving services to customers and higher fleet utilisation.



Kursus-kursus vokasional di IKK PERHEBAT yang dilaksanakan oleh Adskill.

**Adskill Sdn Bhd**, the joint venture company with the TAFE Commission of New South Wales, has successfully penetrated into new markets while continuing to provide services to Institut Kemahiran dan Keusahawanan PERHEBAT. A year long project involving the development of training materials for STAR LRT has recently been completed. Adskill is also a leading provider in the area of professional development programmes for the staff of Government Departments involved in vocational education.

Vocational courses implemented by Adskill at IKK PERHEBAT.

## TINJAUAN KETUA EKSEKUTIF

## CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

**The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd (UNiM)** memulakan operasinya pada bulan September 2000 dengan pengambilan pertama 86 pelajar, khususnya bagi program Sarjana Pengurusan Perniagaan dan Ijazah dalam bidang kejuruteraan dan komputer. Pengubahsuaian bangunan di Wisma MISC di Jalan Conlay telahpun siap untuk penggunaan tahun pertama, dan menyediakan suasana persekitaran bermutu tinggi bagi pengajaran dan pembelajaran. Lebih dari 400 orang pelajar dijangkakan dalam tahun 2001. Sementara itu, perancangan sedang buat untuk membina kampus tetap universiti di kawasan seluas 100 ekar di Ladang Balau berdekatan Semenyih, Selangor.

**Boustead Electronic Commerce Sdn Bhd**, sebuah syarikat yang ditubuhkan untuk menerokai aktiviti-aktiviti baru komersial elektronik, sedang dalam perbincangan peringkat terakhir dengan sebuah kumpulan untuk berusaha sama untuk mencuei di dalam bidang aplikasi kad pintar berdasarkan chip.

Prestasi **Boustead Abela Sdn Bhd** terus mengecewakan berikutan beberapa cawangannya tidak memberi sumbangan sepertimana yang diharapkan. Peningkatan dicatatkan di beberapa buah cawangan tetapi beberapa cawangan yang tidak menguntungkan telah ditutup.

**The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd (UNiM)** commenced operations in September 2000 with the first intake of 86 students, principally on the MBA programmes and the undergraduate areas of engineering and computing. The refurbishment of premises within Wisma MISC at Jalan Conlay has been completed for first year use, and provides a high quality environment for teaching and learning. Over 400 students are expected in 2001. In the meantime, plans are being drawn up for the permanent campus to be housed on a 100-acre site at our Balau Estate near Semenyih, Selangor.

**Boustead Electronic Commerce Sdn Bhd**, a company set up to venture into new electronic commerce activities, is in the final stages of discussions with a party to venture into chip based smart card applications.

**Boustead Abela Sdn Bhd** continued to incur losses as several of the outlets did not perform to expectations. Improvement was registered on some outlets but non-performing ones are being closed.



a



b



c

- Lawatan-lawatan diRaja di UNiM:
- DYMM Yang diPertua Negeri Sembilan
  - DYMM Sultan Perak
  - YTM Earl & Countess of Wessex

Royal visits to UNiM:

- HRH Yang diPertua Negeri Sembilan
- HRH Sultan of Perak
- TRHs Earl & Countess of Wessex